

**PENILAIAN TERHADAP ETIKA PENGUKURAN DAN PENILAIAN DAN
INTEGRITI DALAM KALANGAN GURU-GURU SEKOLAH MENENGAH**

SITI HAJAR BINTI RAMZAN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

**PENILAIAN TERHADAP ETIKA PENGUKURAN DAN PENILAIAN DAN
INTEGRITI DALAM KALANGAN GURU-GURU SEKOLAH MENENGAH**

SITI HAJAR BINTI RAMZAN

**Tesis ini Dikemukakan
Sebagai Memenuhi Sebahagian Daripada Syarat
Penganugerahan Ijazah Sarjana Pengukuran dan Penilaian**

**FAKULTI PENDIDIKAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

MEI 2012

DEDIKASI

Bersyukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpah kurnia serta izinnya memberi kekuatan kepada diri untuk menyiapkan tesis ini.

Istimewa buat suami tercinta, Husni Za`iem yang banyak mengharungi suka dan duka kehidupan bersama serta untuk anak yang dikasihi Muhammad Adam yang sentiasa menjadi pembakar semangat buat diri ini.

Tidak dilupakan juga buat kepada abah, mak, keluarga serta keluarga mentua yang sentiasa memberi sokongan tidak berbelah bahagi.

Jutaan terima kasih kepada penyelia Prof. Dr. Mohamad Najib Bin Abdul Ghafar yang banyak memberi tunjuk ajar dan nasihat dalam menghasilkan penulisan tesis yang baik. Serta ucapan terima kasih kepada para penarah di UTM yang telah menyampaikan ilmu Allah biarpun secebis untuk dijadikan pengetahuan yang berguna buat diri ini.

Semoga perjuangan menuntut ilmu tidak berakhir di sini.....

PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadrat Allah s.w.a kerana dengan limpah izinnya, dengan rahmat dan redhaNya, maka tesis ini telah dapat disiapkan bagi memenuhi penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan (Pengkukuran dan Penilaian), Universiti Teknologi Malaysia.

Penulis ingin merakamkan setinggi-tingginya penghargaan dan terima kasih kepada penyelia disertasi, Prof. Dr. Mohamad Najib Bin Abdul Ghafar atas nasihat, bimbingan dan sokongan yang diberikan sepanjang tempoh penyediaan tesis ini.

Tidak lupa juga, ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada pihak Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), Jabatan Pelajaran Negeri Johor; Pejabat Pelajaran Daerah Johor Bahru dan sekolah – sekolah menengah kebangsaan terpilih untuk kajian kerana memberi keizinan dan kerjasama untuk menjayakan kajian ini. Begitu juga kepada Perpustakaan Sultanah Zanariah, Universiti Teknologi Malaysia (UTM); Pusat Sumber Fakulti Pendidikan UTM; Pusat Sumber Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Kementerian Pelajaran Malaysia yang telah menyediakan banyak bahan rujukan dan bahan ilmiah untuk menyempurnakan Projek Sarjana ini.

Akhir sekali penulis ingin mengucapkan sekali lagi ribuan terima kasih kepada semua pihak sama ada yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penyempurnaan projek ini.

Sekian terima kasih. Wassalam.

ABSTRAK

Kajian deskriptif ini bertujuan untuk menyelidik pengetahuan etika pengukuran dan penilaian, dan integriti guru-guru dalam melaksanakan peperiksaan di peringkat sekolah. Persampelan rawak atas kluster digunakan ke atas 140 responden yang terdiri daripada 7 buah sekolah menengah di daerah Johor Bahru. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini merupakan satu set soal selidik yang diambil dari *Code of Fair Testing Practices in Education*, (2004) dan diterjemah kepada Bahasa Malaysia agar bertepatan dengan skop kajian. Nilai kebolehpercayaan soal selidik ialah $\alpha = 0.95$. Data dikumpul dan dianalisis menggunakan “*Statistical Package For Social Science*” (SPSS), Window versi 14.00. Ujian-t, Ujian ANOVA dan Ujian Korelasi Pearson merupakan kaedah utama yang digunakan bagi menganalisis persoalan kajian. Hasil kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap etika dan integriti berdasarkan semua faktor demografi yang dikaji kecuali faktor demografi lokasi sekolah iaitu guru-guru di bandar mencatatkan min integriti yang lebih tinggi berbanding guru-guru di luar bandar. Dapatan kajian juga menunjukkan hubungan yang signifikan antara etika dan integriti dalam kalangan guru-guru sekolah menengah. Bagi mengatasi masalah yang dihadapi, beberapa cadangan tindakan pemulihan telah dikemukakan seperti pihak PPD atau JPN perlu menganjurkan lebih banyak kursus dan bengkel berkenaan integriti untuk para guru selain pemantauan berkala oleh pihak pentadbir sekolah.

ABSTRACT

This descriptive study is to investigate the ethics on measurement and evaluation, and integrity of teachers on school examination. Cluster random sampling is applied to the 140 respondents from seven secondary schools in the district. The instrument was a questionnaire which is taken from the Code of Fair Testing Practices in Education, (2004) and translated into Bahasa Malaysia. The Alpha cronbach is $\alpha = 0.95$. The data collected were analyzed using computer software Statistical Package For Social Science (SPSS), Windows version 14.00. T-test, ANOVA and Pearson correlation was used to analyze all research results. The study showed that there were no significant differences on ethics and integrity based on all the demographic factors studied except for the demographic location of school, which the integrity of teachers in the city had a higher mean than the integrity of teachers in rural areas. This study also shows a significant correlation between the ethics and integrity among secondary school teachers. Several proposals were submitted for remedial action.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGESAHAN STATUS TESIS	
	HALAMAN JUDUL	i
	PENGESAHAN PENYELIA	ii
	HALAMAN PENGAKUAN	iii
	DEDIKASI	iv
	PENGHARGAAN	v
	ABSTRAK	vi
	ABSTRACT	vii
	KANDUNGAN	viii
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI RAJAH	xiv
	SENARAI SINGKATAN	xv
	SENARAI LAMPIRAN	xvi
BAB 1	PENDAHULUAN	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	4
	1.3 Penyataan Masalah	6
	1.4 Objektif Kajian	7
	1.5 Persoalan Kajian	7
	1.6 Hipotesis Kajian	8

1.7	Kepentingan Kajian	9
1.8	Batasan Kajian	11
1.9	Definisi Istilah	
1.9.1	Etika	11
1.9.2	Integriti	12
1.9.3	Pengujian, Pengukuran dan Penilaian	13
1.10	Kerangka Konsep	14

BAB 2 SOROTAN KAJIAN

2.1	Pengenalan	15
2.2	Etika	17
2.2.1	Definisi Etika	17
2.2.2	Etika Pkhidmatan	20
2.2.3	Etika Kerja Islam	22
2.2.4	Etika Pengukuran dan Penilaian	33
2.3	Integriti	41
2.3.1	Definisi Integriti	41
2.3.2	Model Integriti	43
2.3.3	Integriti Dalam Perkhidmatan	44
2.3.4	Integriti Mutmainah	49
2.3.5	Integriti Akademik	57
2.4	Kajian-kajian Lepas	60
2.4.1	Kajian Terhadap Hubungan Faktor Demografi Dengan Etika	60
2.4.2	Kajian Terhadap Hubungan Faktor Demografi Dengan Integriti	62
2.4.3	Kajian Terhadap Hubungan Etika Dengan Integriti	63

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	64
3.2	Reka Bentuk Kajian	64
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	65
3.4	Instrumen Kajian	66
	3.4.1 Tatacara Pengumpulan Data	68
	3.4.2 Kajian Rintis	69
3.5	Analisis Data	70
3.6	Kalendar Kajian	71

BAB 4

ANALISIS DATA DAN PERBINCANGAN

4.1	Pengenalan	72
4.2	Analisis Deskriptif	72
	4.2.1 Latar Belakang Responden	72
	4.2.2 Analisis Deskriptif Etika	77
	4.2.3 Analisis Deskriptif Integriti	82
4.3	Analisis Perbandingan Etika dan Integriti	87
4.4	Analisis Inferensi	88
	4.4.1 Pengujian Hipotesis	89

BAB 5

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	98
5.2	Perbincangan	99
	5.2.1 Latarbelakang Responden	100
	5.2.2 Objektif 1	100
	5.2.3 Objektif 2	104

5.2.4	Objektif 3	107
5.3	Rumusan	108
5.4	Cadangan	110
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	112
5.6	Kesimpulan	113

RUJUKAN	114
----------------	------------

LAMPIRAN	120
-----------------	------------

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Senarai bilangan sekolah dan bilangan guru berdasarkan zon	66
3.2	Jadual spesifikasi ítem	67
3.3	Jadual spesifikasi analisis data	70
3.4	Kalendar kajian	71
4.1	Taburan responden berdasarkan zon dan jantina	73
4.2	Taburan responden berdasarkan bangsa dan lokasi sekolah	74
4.3	Taburan responden berdasarkan pengalaman mengajar dan opsyen/bidang matapelajaran	75
4.4	Jadual interpretasi skor min (Nunnally, 1994)	77
4.5	Analisis deskriptif etika membina ujian	78
4.6	Analisis deskriptif etika mentafsir skor	79
4.7	Analisis deskriptif etika kesaksamaan	80
4.8	Analisis deskriptif etika penggunaan	81
4.9	Analisis deskriptif integriti membina ujian	82
4.10	Analisis deskriptif integriti mentafsir skor	84
4.11	Analisis deskriptif integriti kesaksamaan	85
4.12	Analisis deskriptif integriti penggunaan	86
4.13	Analisis perbandingan min keseluruhan etika dan integriti	87
4.14	Kekuatan nilai pekali korelasi (Chua, Yan Piaw, 2006)	89
4.15	Perbezaan tahap pengetahuan etika pengukuran dan penilaian berdasarkan jantina	90
4.16	Perbezaan tahap pengetahuan etika pengukuran dan penilaian	90

	berdasarkan lokasi sekolah	
4.17	Perbezaan tahap pengetahuan etika pengukuran dan penilaian berdasarkan pengalaman mengajar	91
4.18	Perbezaan tahap pengetahuan etika pengukuran dan penilaian berdasarkan opsyen/bidang matapelajaran	92
4.19	Perbezaan tahap pengetahuan etika pengukuran dan penilaian berdasarkan bangsa	93
4.20	Perbezaan tahap integriti berdasarkan jantina	93
4.21	Perbezaan tahap integriti berdasarkan lokasi sekolah	94
4.22	Perbezaan tahap integriti berdasarkan pengalaman mengajar	95
4.23	Perbezaan tahap integriti berdasarkan opsyen/bidang matapelajaran	95
4.24	Perbezaan tahap integriti berdasarkan bangsa	96
4.25	Hubungan antara tahap pengetahuan etika pengukuran dan penilaian dengan tahap integriti	97

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Kerangka Konsep	14
2.1	Model Integriti	43
2.2	Proses Penghijrahan Jiwa Amarah Kepada Jiwa Mutmainah Secara Bersepadu Melalui Penyucian Jiwa	51
2.3	Pelan Pembentukan Integriti Mutmainah	52
4.1	Graf taburan responden berdasarkan zon dan jantina	73
4.2	Graf taburan responden berdasarkan bangsa dan lokasi sekolah	74
4.3	Graf taburan responden berdasarkan pengalaman mengajar dan opsyen/bidang matapelajaran	76
4.4	Graf analisis perbandingan min keseluruhan etika dan integriti	87

SENARAI SINGKATAN

LPM	-	Lembaga Peperiksaan Malaysia
FPK	-	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
UPSR	-	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
PMR	-	Penilaian Menengah Rendah
SPM	-	Sijil Pelajaran Malaysia
JSI	-	Jadual Spesifikasi Item
SPSS	-	<i>Statistical Package for Social Science</i>
KPM	-	Kementerian Pelajaran Malaysia
JPN	-	Jabatan Pelajaran Negeri
PPD	-	Pejabat Pelajaran Daerah
INTAN	-	Institut Pentadbiran Awam Negara
IIM	-	Institut Integriti Malaysia
PIN	-	Pelan Integriti Nasional
JKSNK	-	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah
EPRD	-	<i>Educational Planning and Research Development</i>
BPPDP	-	Bahagian Pendidikan dan Perancangan Pendidikan
SMK	-	Sekolah Menengah Kebangsaan
UTM	-	Universiti Teknologi Malaysia

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Set Soal Selidik	123
B	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian	130

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pengujian, pengukuran dan penilaian adalah antara beberapa konsep penting dalam dunia pendidikan. Menurut Sumini (2002), penilaian dan pengujian amat penting dalam bidang pendidikan kerana maklumat yang terhasil daripada langkah mengadakan penilaian dan pengujian dapat memberi maklum balas setakat manakah pencapaian pelajar telah ditunjukkan. Sering kali istilah ini bertukar ganti digunakan. Namun, sesetengah guru masih berpendapat apabila mengedarkan kertas ujian, maka mereka mengukur prestasi pelajar atau menilai prestasi pelajar dalam sesebuah bilik darjah tanpa mengambil hirau maksud sebenar atau maksud khusus yang mendukung istilah berkenaan. Khususnya, ketiga-tiga istilah berkenaan mempunyai makna yang lebih spesifik dan ketiga-tiganya mempunyai perbezaan. Menurut Cronbach (1970), ujian ialah satu prosedur yang sistematik untuk memerhati perlakuan atau tingkah laku seseorang individu dan menghuraikan dengan bantuan skala bernombor, atau satu sistem yang berkategori. Ini dikukuhkan lagi oleh Milagros (1981) dipetik dalam Raminah (1991), ujian adalah suatu cara untuk mendapatkan contoh perlakuan yang diperlihatkan oleh murid di dalam keadaan yang dikawal atau ditentukan dan maklumat yang diperolehi daripadanya

akan dijadikan dasar untuk membuat penilaian atau pengadilan. Pengukuran membawa maksud yang lebih luas berbanding pengujian. Pengukuran membawa definisi sebagai suatu proses untuk mendapatkan penjelasan secara numerik (melalui angka) tentang sebanyak mana individu atau pelajar mempunyai sesuatu ciri yang diukur dengan menggunakan alat tertentu (Mohd Isha, 2007). Ini bersamaan dengan Najib (2011), tujuan utama pengukuran adalah untuk mendapatkan data (status) yang boleh dijadikan landasan penilaian. Gay (1985) berpendapat bahawa penilaian ialah satu proses yang sistematik semasa mengumpul dan menganalisis data bagi menentukan sama ada sesuatu objektif yang telah ditetapkan itu telah tercapai. Sebelumnya, Popham (1975) menyatakan penilaian yang sistematik perlu mempunyai satu tafsiran yang formal tentang nilai fenomena pendidikan. Dalam dunia pendidikan, penilaian yang sistematik ialah dengan mengambil kira semua faktor yang boleh mempengaruhi maklumat atau dapatan yang diperolehi supaya dapat membantu guru dalam membuat sebarang keputusan yang tepat. Ini bertepatan dengan kenyataan Raminah (1991), untuk memastikan pengajaran dan pembelajaran dapat meninggalkan kesan yang menggalakkan, maka penilaian dan pengujian yang dijalankan mestilah terancang dan sistematik supaya tindakan susulan dapat diputuskan. Popham (2000) menyatakan istilah-istilah pengukuran, pengujian dan penaksiran digunakan secara silih berganti dan dianggap sebagai sinonim. Kini istilah “pentaksiran” mula digunakan dalam penilaian pencapaian. Pentaksiran melibatkan proses membuat keputusan berdasarkan kepada suatu peraturan atau piawaian. Pentaksiran, yang merupakan sebahagian daripada proses pembelajaran, merangkumi aktiviti menghurai, mengumpul, merekod, memberi skor dan menterjemahkan maklumat tentang pembelajaran seseorang pelajar bagi sesuatu tujuan tertentu (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2000). Hasil pentaksiran dinyatakan dalam bentuk skor. Skor mestilah sah dan boleh dipercayai untuk memastikan keadilan kepada pelajar dan juga untuk mengekalkan kewibawaan institusi pentaksiran.

Sistem pendidikan di Malaysia berpaksikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) termaktub ke arah usaha berterusan melahirkan warganegara yang mempunyai imbalan pengetahuan dan kemahiran, sains dan teknologi, nilai-nilai rohani dan moral yang positif, bertanggungjawab, berdaya cipta, inovatif, kreatif, fleksibel dan

berupaya memberi sumbangan berkesan kepada pembangunan negara yang berharmoni, makmur dan bersatu. Maka proses penilaian hendaklah dijalankan secara berterusan sama ada secara formal atau tidak formal. Kronologi perkembangan sistem pendidikan negara dapat dilihat pada langkah utama yang dilakukan Kerajaan Perikatan selepas negara Merdeka pada 31 Ogos 1957 iaitu membetulkan dan menyusun kembali sistem pendidikan yang diwarisi daripada penjajah Inggeris dengan mengadakan dasar-dasar pendidikan yang diperkukuhkan oleh perlembagaan dan undang-undang. Bermula dengan cadangan dasar yang dikemukakan oleh Laporan Razak (1956) dan Laporan Rahman Talib (1960) telah termaktubnya Akta Pelajaran 1961 (Sufean, 1996). Antaranya adalah Dasar Pelajaran Kebangsaan yang menggariskan 3 asas utama bagi mencapai matlamat pelajaran negara. Pertama mewujudkan sistem persekolahan yang sama bagi semua kanak-kanak; kedua menggunakan Bahasa Kebangsaan, Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di semua sekolah kecuali peringkat rendah dan ketiga menggunakan kurikulum serta peperiksaan yang sama kandungannya dan bercorak kebangsaan bagi semua sekolah dan struktur persekolahan yang lebih kemas dan rasional (Hussein, 1993).

Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) berperanan dalam merancang, membina dan mengeluarkan semua bentuk pengujian dan pengukuran berlandaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Ia juga bertindak memberikan khidmat nasihat, khidmat bantu dan khidmat rundingan kepada pihak sekolah atau pengurusan berkaitan dengan pengujian pendidikan (LPM, 2000). Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) menetapkan peperiksaan merupakan satu aktiviti untuk menilai keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran (Hussein, 1993). Aktiviti ini tidak dapat dipisahkan daripada sistem pendidikan di mana sekalipun. Kenyataan ini disokong oleh Abdullah (1989) yang menyatakan bahawa cara utama untuk mengetahui sama ada pembelajaran telah berlaku dalam bilik darjah ialah menggunakan ujian dan penilaian. Menurut Ee Ah Meng (1996), ujian adalah penting untuk menilai kemajuan pelajar dan kejayaan guru. Selain itu, ia juga dapat mengesan kebolehan dan kelemahan pelajar. Kenyataan ini bersamaan dengan Gronlund (1982) dipetik dalam Miller et. al (1998) di mana aspek pengujian dan penilaian dalam pengajaran adalah sama pentingnya dengan proses pengajaran guru

di dalam bilik darjah. Menurut Raminah (1991), pengujian dan penilaian dapat memberikan maklumat setepat mungkin tentang prestasi pencapaian seseorang pelajar. Justeru itu, untuk mendapatkan hasil yang terbaik ianya mestilah dirancang, digubal, ditadbirkan dan diinterpretasikan mengikut prinsip-prinsip berikut: kesahan, kebolehpercayaan dan keobjektifan.

1.2 Latarbelakang Masalah

Guru adalah pendidik dan pembimbing kepada para pelajar yang akan menjadi warisan kebudayaan dan generasi berilmu pengetahuan untuk kemajuan bangsa dan negara pada masa hadapan. Sememangnya guru memainkan peranan penting dalam sistem pendidikan negara, selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang menekankan objektif untuk melahirkan insan yang kamil, segala tingkah laku guru akan menjadi contoh teladan kepada pelajar. Guru merupakan *role model* kepada pelajar. Seseorang guru yang baik seharusnya mempunyai sifat dan kualiti peribadi seperti baik hati, pandai berjenaka, sabar, bertanggungjawab, yakin pada diri dan mempunyai sifat kepimpinan (Mok Soon Sang, 1988). Ini bersamaan dengan kenyataan Hasbi (2009) yang menyenaraikan 5 kualiti guru sebagai pemimpin iaitu:

- memahami jiwa pelajar dan tahu menarik perhatian mereka dengan kelakuan yang baik dan mulia, tetapi bukannya merendah diri
- tegas tetapi bukan diktator
- lemah lembut tetapi bukannya lembut
- boleh mengajar dengan menarik, bukan kelakar
- mempunyai ilmu pengetahuan tetapi tidak angkuh.

Guru perlu mempunyai tatasusila yang tinggi dan berkomitmen menjalankan tugas sebagai pendidik dengan baik. Halstead (1995) menjelaskan bahawa para guru sangat disanjung dan diharapkan kerana mereka bukan sahaja berilmu semata-mata tetapi juga mempunyai personaliti dan komitmen kepada Islam dan menunjukkan contoh yang baik kepada para murid. Mahadzir (2008) memberitahu bahawa daripada tahun 1995 hingga tahun 2008, sebanyak 41 kes keruntuhan moral membabitkan guru dilaporkan (Utusan Malaysia, 18 September 2008). Pendedahan salah laku guru-guru

boleh mengakibatkan kewibawaan profesion keguruan tergugat pada mata umum. Hal ini bertentangan dengan peranan dan tatasusila perguruan di Malaysia yang menyatakan guru perlu mematuhi kod etika perguruan iaitu menjalankan tanggungjawabnya guru kepada pelajar, ibu bapa pelajar, rakan sejawat dan masyarakat dan negara, bukannya mengambil kesempatan di atas apa yang berlaku terhadap pelajar tetapi sebaliknya membantu mereka menyelesaikan masalah yang dihadapi.

Nilai dan etika sangat penting untuk mencapai pembangunan serta kemajuan pentadbiran negara. Ia menjadi asas dan pegangan dalam tingkah laku seseorang. Tanpa nilai dan etika, seseorang akan bertindak mengikut perasaan dan terlibat dalam amalan yang tidak sihat. Guru yang beretika menunjukkan guru yang bersistematik dan berdisiplin dalam melaksanakan sesuatu tugas yang diberikan. Oleh itu, dengan adanya kod etika para guru berupaya mengawal tingkah laku mereka dan dapat memberikan komitmen yang jitu kepada pelajar, ibu bapa, masyarakat dan negara. Integriti pula secara umumnya merujuk kepada kesatuan di antara nilai dan tingkah laku. Pallegriano (1990), Roberts (1994) dan Musschenga (2001) melihat integriti sebagai keselarasan nilai dalaman dengan tindakan seseorang. Guru yang berpengetahuan tentang etika tidak dikatakan berintegriti jika etika yang diketahuinya tidak diamalkan. Maka kod etika tidak lagi berguna.

Setiap organisasi mempunyai kod etika masing-masing. Dalam organisasi sekolah terdapat beberapa etika yang perlu dipatuhi guru-guru dan pelajar-pelajar. Antara etika yang terdapat di sekolah ialah etika berpakaian guru/pelajar, etika belajar, etika peperiksaan dan sebagainya. Namun etika yang sering diabaikan oleh pihak sekolah amnya dan guru-guru khasnya adalah etika dalam melaksanakan peperiksaan atau ujian. Terdapat dua jenis peperiksaan yang dijalankan di Malaysia iaitu peperiksaan awam dan peperiksaan di peringkat sekolah. Peperiksaan Awam di Malaysia terdiri daripada Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dibina, ditadbir dan dinilai oleh guru-guru yang dilantik oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM). Manakala ujian atau peperiksaan di peringkat sekolah pula dibina, ditadbir dan dinilai oleh guru-guru sekolah tersebut. Analisis keputusan setiap sekolah

kemudiannya dilaporkan kepada Pejabat Pelajaran Daerah masing-masing untuk direkodkan dan dikaji kelemahan, kelebihan dan kekurangannya. Ini jelas memperlihatkan kepentingan dan peranan guru dalam melaksanakan ujian atau peperiksaan di peringkat sekolah.

Miller, Lin dan Gronlund (2009) menyatakan terdapat lapan langkah dalam melaksanakan ujian bilik darjah iaitu :

1. menentukan ujian bilik darjah
2. membina Jadual Spesifikasi Item (JSI)
3. memilih jenis soalan ujian
4. menyediakan soalan/item
5. mengumpulkan soalan/item
6. mentadbirkan ujian
7. menaksir ujian
8. menggunakan keputusan

Sebagai seorang guru yang bertanggungjawab dan amanah, langkah-langkah tersebut seharusnya dilaksanakan dengan tertib agar kesahan, kebolehpercayaan dan keobjektifan ujian tersebut tercapai. Namun, guru-guru di sekolah kini seringkali mengabaikan beberapa langkah penting tersebut. Tiada lagi JSI dibina sebelum membuat soalan, tiada lagi pentadbiran ujian yang sistematik, tiada lagi penaksiran ujian yang adil dan sebagainya.

1.3 Pernyataan Masalah

Oleh demikian, kajian ini bertujuan untuk mengetahui tahap pengetahuan etika pengukuran dan penilaian guru-guru dan tahap integriti guru-guru dalam melaksanakan peperiksaan di peringkat sekolah. Seterusnya, kajian ini juga akan mengkaji perbezaan tahap pengetahuan etika penilaian dan pengukuran dan tahap integriti berdasarkan faktor demografi dan hubungan antara tahap pengetahuan etika penilaian dan pengukuran dengan tahap integriti guru-guru.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan berdasarkan objektif-objektif berikut:

- i. Mengkaji perbezaan tahap pengetahuan etika pengukuran dan penilaian dalam kalangan guru-guru di sekolah menengah berdasarkan faktor demografi jantina, lokasi sekolah, pengalaman mengajar, bidang/opsyen matapelajaran dan bangsa.
- ii. Mengkaji perbezaan tahap integriti dalam kalangan guru-guru di sekolah menengah berdasarkan faktor demografi jantina, lokasi sekolah, pengalaman mengajar, bidang/opsyen matapelajaran dan bangsa.
- iii. Menganalisis hubungan antara tahap pengetahuan etika pengukuran dan penilaian dengan tahap integriti dalam kalangan guru-guru di sekolah menengah.

1.5 PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk menjawab persoalan-persoalan berikut:

- i. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap pengetahuan etika pengukuran dan penilaian dalam kalangan guru-guru di sekolah menengah berdasarkan faktor demografi?
 - a. jantina
 - b. lokasi sekolah
 - c. pengalaman mengajar
 - d. bidang/opsyen matapelajaran
 - e. bangsa
- ii. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap integriti dalam kalangan guru-guru di sekolah menengah berdasarkan faktor demografi?
 - a. jantina
 - b. lokasi sekolah
 - c. pengalaman mengajar

- d. bidang/opsyen matapelajaran
 - e. bangsa
- iii. Apakah hubungan antara tahap pengetahuan etika pengukuran dan penilaian dengan tahap integriti dalam kalangan guru-guru di sekolah menengah?

1.6 HIPOTESIS KAJIAN

Kajian ini diharap akan dapat menjawab hipotesis-hipotesis berikut:

H_{01.1} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap pengetahuan etika pengukuran dan penilaian dalam kalangan guru – guru di sekolah menengah berdasarkan faktor demografi jantina.

H_{01.2} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap pengetahuan etika pengukuran dan penilaian dalam kalangan guru – guru di sekolah menengah berdasarkan faktor demografi lokasi sekolah

H_{01.3} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap pengetahuan etika pengukuran dan penilaian dalam kalangan guru – guru di sekolah menengah berdasarkan faktor demografi pengalaman mengajar

H_{01.4} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap pengetahuan etika pengukuran dan penilaian dalam kalangan guru – guru di sekolah menengah berdasarkan faktor demografi bidang/opsyen matapelajaran

H_{01.5} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap pengetahuan etika pengukuran dan penilaian dalam kalangan guru – guru di sekolah menengah berdasarkan faktor demografi bangsa.

H_{02.1} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap integriti dalam kalangan guru – guru di sekolah menengah berdasarkan faktor demografi jantina.

H_{02.2} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap integriti dalam kalangan guru – guru di sekolah menengah berdasarkan faktor demografi jantina. lokasi sekolah

H_{02.3} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap integriti dalam kalangan guru – guru di sekolah menengah berdasarkan faktor demografi jantina. pengalaman mengajar

H_{02.4} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap integriti dalam kalangan guru – guru di sekolah menengah berdasarkan faktor demografi jantina. bidang/opsyen matapelajaran

H_{02.5} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap integriti dalam kalangan guru – guru di sekolah menengah berdasarkan faktor demografi jantina. bangsa.

H₀₃. Tidak terdapat hubungan antara tahap pengetahuan etika pengukuran dan penilaian dengan tahap integriti dalam kalangan guru-guru di sekolah menengah

1.7 Kepentingan Kajian

Biarpun kajian ini hanya dilaksanakan di beberapa buah sekolah menengah di Daerah Johor Bahru, namun ia wajar dijalankan serta diambil perhatian oleh pihak-pihak yang terbabit dalam dunia pendidikan agar profesion perguruan sentiasa dipandang tinggi. Pihak yang dijangka menerima kepentingan daripada kajian ini adalah seperti Pejabat Pelajaran Daerah, pengetua, guru -guru serta pengkaji-pengkaji etika dan integriti dalam pendidikan pada masa akan datang. Berikut adalah kepentingannya kepada setiap pihak tersebut :

i. Guru

Kajian ini juga secara tidak langsung memberi kepentingan kepada guru-guru dalam menyalurkan pendapat dan keperluan mereka. Dapatan kajian ini juga diharapkan dapat melihat perbezaan tahap pengetahuan etika penilaian dan pengukuran dan tahap inetgriti guru-guru yang terdiri daripada pelbagai faktor demografi selain

melihat hubungan antara tahap etika dan tahap integriti guru-guru. Ini kerana guru merupakan pihak yang bertanggungjawab dalam mengawasi para pelajar semasa menjawab peperiksaan di peringkat sekolah. Pada gurulah terletaklah setiap aspek pelaksanaan yang telah dipertanggungjawabkan oleh pihak pentadbiran. Pihak panitia juga disarankan agar kerap memantau prosuder kerja guru-guru untuk memastikan etika dipatuhi oleh semua guru.

ii. Pengetua

Dengan dapatan kajian ini, diharapkan para pengetua akan sentiasa membuat refleksi diri untuk menilai kekuatan dan kelemahan yang ada pada sekolahnya. Pengetua akan menggunakan kekuatan yang dimiliki untuk mengurus dan memimpin dalam memastikan sekolah yang dipacunya akan terus bergerak maju seiring dengan perubahan dunia pendidikan. Faktor – faktor sebelum ini yang mungkin tidak diberi perhatian akan lebih diberi tumpuan agar memastikan pembangunan sekolahnya adalah sejajar dengan matlamat dan prinsip Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Ini termasuklah panduan tentang aspek fasilitator, kaedah dan prosuder kerja yang paling sesuai untuk melaksanakan tugas berdasarkan etika yang telah ditetapkan.

iii. Pejabat Pelajaran Daerah

Diharap kajian ini dapat membantu Pejabat Pelajaran Daerah dalam menangani masalah guru dalam tanggungjawab melaksanakan Etika Profesion Perguruan. Malah berupaya untuk merancang pelbagai program yang dapat memberi kesedaran kepada guru-guru dalam menjalani tanggungjawab melaksanakan Etika Profesion Perguruan. Ia bersesuaian dengan matlamat Pelan Induk Pembangunan Pendidikan untuk memartabatkan profesion perguruan.

1.8 Batasan Kajian

Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk mengetahui tahap pengetahuan amalan etika dalam aspek pengukuran dan penilaian sahaja. Responden kajian ini pula hanya terdiri daripada guru-guru di sekolah menengah Daerah Johor Bahru , Johor Darul Ta`zim sahaja. Oleh itu, dapatan kajian ini tidak dapat mewakili pendapat keseluruhan negara kerana tempat dan persekitaran yang berbeza. Kajian ini juga bersifat kuantitatif dan menggunakan kaedah soal selidik yang dikemaskinikan dalam borang yang diedarkan kepada responden, maka kaedah pengutipan data bersifat kualitatif seperti temu bual, pemerhatian atau analisis dokumen tidak dilakukan sama sekali. Data hanya dianalisis menggunakan Ujian-t dan Ujian ANOVA bagi melihat perbezaan tahap etika penilaian dan integriti berdasarkan faktor demografi, manakala Ujian Korelasi Pearson digunakan bagi melihat hubungan antara tahap etika penilaian dan integriti. Dapatan kajian dianalisis menggunakan `Statistical Package For The Social Sciences` (SPSS).

1.9 Definisi Istilah

1.9.1 Etika

Mackie (1971), Rafik (1989) dan Beekun (1998) mendefinisikan etika sebagai suatu set prinsip-prinsip moral yang membezakan apa yang betul daripada apa yang salah. Manakala Ahmad Sarji (1993) mendefinisikan etika sebagai percubaan sistematik melalui penggunaan andaian bagi memberi makna kepada pengalaman moral individu dan sosial dengan cara menentukan peraturan-peraturan yang sepatutnya mendasari tingkah laku. Mackinnon (2001) pula mendefinisikan etika sebahagian daripada kajian moral yang mengkaji perlakuan yang benar. Ilmu etika menerangkan perlakuan yang benar berdasarkan ilmu dan pengetahuan yang dikuasai guru.

Maka kajian ini hanya menggunakan definisi etika sebagai peraturan-peraturan yang ditentukan bagi mendasari satu tingkah laku atau perkara dengan sistematik.

1.9.2 Integriti

Pellegrino (1990) merujuk integriti sebagai tahap atau keadaan keseimbangan di antara ruang peribadi, autonomi dan nilai individu. Manakala Robert (1994) memberi takrifan integriti sebagai kesatuan di antara komitmen sepenuhnya kepada nilai yang dipegang dalam setiap ucapan dan tindakan seseorang. Musschenga (2001) juga mentakrifkan integriti sebagai konsistensi dan koherensi dalaman keyakinan seseorang dengan pernyataan dan tindakannya. Widang dan Fridlund (2003) menyatakan integriti berasal daripada perkataan latin yang bermaksud menyeluruh, sempurna dan kesatuan yang teguh. (Jamiah Manap, Azimi Hamzah, Ezhar Tamam, Sidek Mohd. Noah, Amini Amir Abdullah, Nurizan Yahya, Halimah Alma Othman & Hanina Halimatusaadiah Hamsan, 2005) mentakrifkan integriti secara keseluruhan sebagai pengetahuan, kesedaran, penghayatan dan pegangan teguh kepada nilai-nilai murni secara konsisten yang disertai komitmen sepenuhnya terhadap nilai-nilai tersebut dalam setiap perkataan dan tindakan untuk mencapai kecemerlangan diri dan organisasi.

Kajian ini merujuk definisi integriti sebagai pengetahuan, kesedaran, penghayatan dan pegangan teguh kepada nilai-nilai murni secara konsisten yang disertai komitmen sepenuhnya terhadap nilai-nilai tersebut dalam setiap perkataan dan tindakan.

1.9.3 Pengujian, pengukuran dan penilaian


Cronbach (1970) menyatakan ujian ialah satu prosedur yang sistematik untuk memerhati perlakuan atau tingkah laku seseorang individu dan menghuraikan dengan bantuan skala bernombor, atau satu sistem yang berkategori. Manakala Milagros (1981) merujuk ujian adalah suatu cara untuk mendapatkan contoh perlakuan yang diperlihatkan oleh murid di dalam keadaan yang dikawal atau ditentukan dan maklumat yang diperolehi daripadanya akan dijadikan dasar untuk membuat penilaian atau pengadilan.

Pengukuran pula membawa definisi sebagai suatu proses untuk mendapatkan penjelasan secara numerik (melalui angka) tentang sebanyak mana individu/pelajar mempunyai sesuatu ciri yang diukur dengan menggunakan alat tertentu (Mohd Isha, 2007). Manakala Najib (2011) menyatakan tujuan utama pengukuran adalah untuk mendapatkan data (status) yang boleh dijadikan landasan penilaian.

Popham (1975) menyatakan penilaian yang sistematik perlu mempunyai satu tafsiran yang formal tentang nilai fenomena pendidikan. Bersamaan dengan Gay (1985) yang berpendapat bahawa penilaian ialah satu proses yang sistematik semasa mengumpul dan menganalisis data bagi menentukan sama ada sesuatu objektif yang telah ditetapkan itu telah tercapai.

Kajian ini merujuk etika penilaian adalah aktiviti melibatkan pengujian iaitu prosuder sistematik untuk melihat perlakuan atau tingkah laku seseorang dalam keadaan terkawal dan pengukuran iaitu proses mendapatkan data secara numerik yang boleh dijadikan landasan penilaian.

1.10 Kerangka Konsep



Rajah 1.1 : Kerangka Konsep

RUJUKAN

- Ahmad Sarji, A.H. (1993). *The changing civil service – Malaysia`s competitive edge*. Kuala Lumpur: Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd.
- Ahmad Atory, H. (1990). *Pentadbiran Awam – Asas pemikiran dan falsafah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Aidit Ghazali (1992). *Pembentukan Graduan-graduan Perakaunan yang Beretika Mulia. Akauntan Nasional*. Oktober 8-10
- Aina, O (1996), *Promoting the ethics and integrity of bussiness and technical examinations. Paper presented at the Examination Ethics Project, Lagos, Nigeria*.
- Ali, A.J., & Azim, A. (1995). *Work ethics and loyalty in Canada. The Journal of Social Psychology*. Vol. 135, No. 1, pp. 31-38
- Ali, H. (2002). *Tahap amalan etika kerja di Jabatan Imigresen Malaysia: Satu kajian di Lembah Klang*. Kertas Projek Sarjana Sains Pengurusan (UUM), tidak diterbitkan
- Alutu dan Aluede (2006), *Secondary School Student`s Perception of Examination Malpractices and Exmination Ethics*, *Journal of Human Ecology.*, 20(4): 295-300
- Attwell, A. H. (1998). *Productivity and work ethics*. *Work Study*, Vol. 47, No. 3, pp. 79-86
- Azzah Kamri (2002), *"Etika Pengurusan Islam dan Konvensional: Satu Analisis Perbandingan"*, *Jurnal Syariah*, jilid 10, bil. 2, Julai 2002, hal. 43-66
- Beekun (1998), *Etika Perniagaan Islam, Malaysia: International Institute of Islamic Thought*

- Chua, Yan Piaw (2006). *Asas Statistik Penyelidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw-Hill.
- Cecil R. Reynolds, Ronald B. Livingston and Victor L. Willson (2010). *Measurement and Assessment in Education*. Pearson/Allyn & Bacon
- Cronbach, L.J. (1970). *Essential of psychological testing (3rd ed.)* New York: Harper & Row
- Donald L., Mc Cabe dan Gary Pavela. (2007) *Ten Principles of Academic Integrity*. California State University, Bakersfield, Office of the Dean of Student Life
- Edmonds, R. (1979). *Effective Schools Fort The Urban Poor*. *Educational Leadership*, 37(1), hlm. 15-27.
- Ee Ah Meng (1996). *Pendidikan Di Malaysia 1: Falsafah Pendidikan, Guru dan Sekolah*. ShahAlam: Fajar Bakti Sdn. Bhd
- Furnham, A. (1991). *The Protestant work ethic in Barbados*. *Journal of Social Psychology*, Vol. 131, No. 1, pp. 29-43
- Gabriel, Richard A. (1982) *To Serve With Honor*. Greenwood Press. Westport, CT.
- Gay, L.R. (1985). *Educational and evaluation and measurement. Competencies for analysis and application*. 2nd ed. Charles E. Merrill.
- Gross, S. (2001). *On Integrity, Psychodynamic Counselling*, May2001, Vol. 7 Issue 2, p 207, p 10
- Hardingham, L. B., (2004). *Integrity and Moral Residue: Nurses as Participants in a Moral Community*, *Nursing Philosophy*, Jul 2004, Vol. 5 Issue 2, p 127, 8p

Hasnan Kassan (2000) *Pengaruh institusi fatwa dalam aktiviti masyarakat Islam di Malaysia*. Bangi : Pusat Pengajian Siswazah, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Hassan Hj. Mohd Ali (1989) *Analisis Perbandingan antara Pengurusan Barat, Timur dan Islam. Seminar Pengurusan dan Pentadbiran Islam*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia. m/s 9

Hussein Mahmood. (1993). *Kepimpinan Dan Keberkesanan Sekolah*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka

Institut Integriti Malaysia (13 Julai 2011). Website www.iim.com.my/

Institut Tadbiran Awam Negara, (1994). *Citrakarya: Falsafah, Nilai dan Etika dalam Perkhidmatan Awam, Malaysia*: Institut Tadbiran Awam Negara

Ikupa, J.C. B.: Causes and cure of examination malpractices. *The Business Administrator*, **1(1)**: 38-39 (1997).

Jamiah Manap, Azimi Hamzah, Ezhar Tamam, Sidek Mohd. Noah, Amini Amir Abdullah, Norizan Yahaya, Halimah Alma Othman dan Hanina Halimatusaadiah Hamsan, (2005). *Pemantapan Nilai Integriti Individu sebagai Teras Pembangunan Staf Berkualiti, Prosiding Seminar Kebangsaan Sumber Manusia 2005*, anjuran Universiti Teknologi Malaysia pada 2 & 3 Febuari 2005 di Hotel Sofitel, Senai, Johor Bahru.

Kadir Dikoh dan Mohd Feroz Abu Bakar (2007, 17 Januari). *Berfikir Di Luar Kotak*. *BeritaHarian*.

Kerlinger, F.N. (1973). *Foundation of behavioral research*. New York: Holt Rinehart and Winston, Inc.

Kibler, W. L. (1993). *Academic Dishonesty: A student development dilemma*. *NAPSA Journal*., 30: 252-260

- Knotts, T.L., Lopez, T.B., & Mesak, H.I. (2000) *Ethical judgments of college students: An empirical analysis*. Journal of Education for Business, Vol. 75, No. 3, pp. 158-164
- Lokman Mohd Tahir dan Hamidon Abdul Rahman (2002), *Peranan etika Dalam Kepimpinan Pendidikan*. Jurnal Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia, Jilid 8 Oktober 2002, hal.93-103
- Mackie (1971), *Ethics: Inventing Right and Wrong*. Great Britain: Cox and Wyman Ltd.
- Mackinnon, B (2001). *Ethics: Theory and Contemporary Issues*. Stamford: Thompson Learning.
- Mahathir Mohamed, (1998). *Petikan ucapan semasa melancarkan Gerakan Pemantapan Keutuhan Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia, di Ibu Pejabat BPR Malaysia, Kuala Lumpur pada 8 Januari 1998*
- Mahmood, N., Sabitha, M., Rashidah, A. & Samihah, K. (1997). *Etika Kerja di kalangan kakitangan awam. Penyelidikan IRPA 1995-1997*. Universiti Utara Malaysia tidak diterbitkan
- Mehrabian, A. (2000). *Beyond IQ: Broad-Based Measurement of Individual Success Potential or 'Emotional Intelligence'*, Genetic, Social & General Psychology Monographs, May 2000, Vol. 126 Issue 2, p133, 107p
- Mikulay, S. N. and George, F. L., (2001). *Counterproductive Workplace Behaviors*, Genetic, Social & General Psychology Monographs, 87567547, Aug 2001, Vol. 127, Issue 3
- Miller, Linn dan Gronlund (2009), *Measurement and Assessment in Teaching, 10th Edition*. Pearson Educational International.

- Mohd. Najib Abdul Ghafar (1998). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohamed Najib Abdul Ghafar (2011), *Pembinaan dan Analisis Ujian Bilik Darjah*. Penerbit UTM Press, Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohamed Najib dan Tay Siok Beng (2011), *Kaitan Antara Kepimpinan Kerja Berpasukan Pengetua dengan Kepuasan Kerja Ketua Panitia di Daerah Kluang*. Journal of Educational Management Volume 1, 87-102
- Mohd Kamal Hassan (1993). *Etika Kerja dan Professionalisme: Suatu Tinjauan semula. Kumpulan Kertas Kerja/Seminar Majlis Gabungan Jawatankuasa Kursus Kefahaman Islam*. Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.
- Mohd. Majid Konting (1990). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mohd. Noor Azli (2003) *Graduan Berakhlak Mulia dan Beretika Pemangkin Generasi Madani. Jurnal Kemanusiaan. Jabatan Pengurusan*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Salleh Lebar (2002). *Perancangan Pendidikan Peringkat Sekolah dan IPT*. Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd.
- Mohd Tap Salleh et al. (1991). *Nilai dan Etika dalam Perkhidmatan Awam*. Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Malaysia. Kuala Lumpur.
- Mok Soon Sang (1988). *Pendidikan Di Malaysia: Mengikut Sukatan Pelajaran Baru*. Kuala Lumpur, Kumpulan Budiman.
- Muhammad Al-Ghazali (2002). *Akhlak Seorang Muslim. Selangor: Crescent News (KL) Sdn. Bhd.*

- Musschenga, A. W., (2001). *Education for Moral Integrity, The Journal of The Philosophy of Education, Vol. 35, No. 2, 2001*
- Mustafar Ali, (2004). *Perlaksanaan Pelan Integriti Nasional Secara Berkesan, Kolokium Pengukuhan Integriti, Institut Kefahaman Islam Malaysia pada Jun 2004.*
- National University of Educational Planning and Administration(12 Januari 2011) website <http://www.nuepa.org/>
- Nelson, T. E., (2004). Values and Political Culture. Dilihat pada 12 Januari 2011, <http://psweb.sbs.ohio-state.edu/faculty/tnelson/503/503Values.pdf>
- Nunnally, J. C., & Bernstein, I. H. (1994). *Psychometric theory* (3rd ed.). New York: McGraw-Hill.
- Nik Mustapha Hj Nik Hassan (1999). *Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan. Kertas Kerja Konvensyen JKP. Renaissance Palm Garden Hotel Pitrajaya, 20-21 September 1999*
- Oluyeba, N.F. and Daramola, S.O.(1992): Incidences and detection of examination malpractices in Nigerian public examinations. *Paper presented on behalf of WAEC on Examination Malpractices, University of Benin, Benin city, Nigeria*
- Omoluabi, P.F.(1993): *A psychological perspective of the genesis of peer cohorts and secret societies of university campus. pp32-49. In: An Appraisal of Student Unrest in Nigeria. O. Animba, D. Denga and P.F. Omoluabi (Eds.). ABIC Publishers, Enugu, Nigeria.*
- Ones, D. S., Viswesvaran, C. dan Schmidt, F. L., (2003). *Personality and Absenteeism: A Meta-Analysis of Integrity Tests European, Journal of Personality, Mar/Apr2003 Supplement 1, Vol. 17 Issue 2, pS19, 1p, 4 charts*
- Pellegrino E. (1990). *The Relationship of Autonomy and Integrity in Medical Ethics. Bulletin of PAHO 24, 361-371.*

- Popham, W.J. (1975). *Educational evaluation*. New Jersey: Printice-Hall Inc.
- Popham, W.J. (2000). *Testing : What every parent should know about school tests*. London: Allyn & Bacon.
- Puffer, S.M. & McCarthy, D. J. (1997). *Russian managers beliefs about work: Beyond the stereotypes*. *Journal of World Bussiness*, Vol. 32, No. 3, pp. 258-277
- Raminah Sabran. (1991). *Kecekapan Berkomunikasi dalam Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Roberts, A. B., (1994). *Core values in a Quality Air Force*, *Airpower Journal*, Summer94, Vol. 8, Issue 2.
- Sekaran, U (2000). *Research methods for business: A skill-building approach*. Singapore: John Wiley & Sons (Asia) Pte. Ltd
- Sufean Hussin. 1993. *Pendidikan di Malaysia: Sejarah, Sistem dan Falsafah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sumini dan Azlan (2002), *Penggunaan Jadual Penentu Ujian (jpu) Ketika Membina Item-item Soalan Ujian Di Kalangan Guru-guru Kemahiran Hidup Di Daerah Kulai, Johor*. Projek Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia.
- Stainer, A. & Stainer, L. (1995). *Productivity, quality and ethics – A European viewpoint*. *European Bussiness Review*. Vol. 95, No. 5, pp. 3-11
- Stone, C.R. & Philbrick, J.L. (1992). *Work attitudes among a sample of black South African students*. *Journal of Social Psychology*, Vol. 132, No. 2, pp. 281-285.
- Tang, T.L.P. & Tzeng, J.Y. (1992). *Demographic correlates of the Protestant work ethics*. *Journal of Psychology Interdisciplinary & Applied*, Vol. 126, No. 2, pp. 163-171

- Uzoka, A.F.(1993): *Social and psychological factors in current student behaviour. pp50-64. In: An Appraisal of Student Unrest in Nigeria. O. Animba, D. Denga and P.F. Omoluabi (Eds.). ABIC Publishers, Enugu, Nigeria.*
- Wakin, M. W., (1996). *Professional Integrity, Airpower Journal, 08970823, Summer96, Vol. 10, Issue 2*
- Weber, M. (1958). *The Protestant ethics and the spirit of capitalism.* New York: Scribner
- Widang, I., and Fridlund, B., (2003). *Self-respect, Dignity and Confidence: Conceptions of Integrity Among Male Patients, Journal of Advanced Nursing, Apr2003, Vol. 42 Issue 1, p47, 10p, DOI: 10.1046/j.1365-2648.2003.02578.*
- Zunaini , Alias (2004) *Amalan Kod Etika Juruaudit : Kajian di Bahagian Audit Sekolah Kementerian Pelajaran Malaysia.* Masters thesis, Universiti Utara Malaysia.
- Zakaria Stapa (2001) *Akidah & Akhlak Dalam Kehidupan Muslim.* Kuala Lumpur. Utusan Publication and Distributor Sdn Bhd